

**KESAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN MELALUI MEDIUM ATAS TALIAN
MENURUT TEORI PENERIMAAN TEKNOLOGI (TAM) BAGI KURSUS
PENDIDIKAN ISLAM DI KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS DAN KOLEJ
KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG**

Wan Nasir bin Wan Tih

Kolej Komuniti Pasir Mas

wannasir@kkpmas.edu.my

Mohd Shaifullah bin Mohd Daud

Kolej Komuniti Pasir Mas

shaifullah@kkpmas.edu.my

Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat

Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang

azian@kkpmas.edu.my

Abstrak: Kesan penularan COVID-19 pada tahun 2020 telah menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran kalangan pelajar IPT khususnya Kolej Komuniti menerima kesan yang signifikan terhadap proses tersebut. Kesan tersebut menyebabkan berlaku masalah kepada pensyarah dan pelajar dalam aspek logistik dan komunikasi kerana kekurangan akses internet. Manakala berlaku salah anggapan pensyarah dan pelajar untuk menunjukkan komitmen mereka dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian. Disamping itu juga berlaku konflik dalaman dimana kekurangan literasi digital, 'takut' teknologi atau 'fobia' komputer dikalangan pensyarah dan pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan Pengajaran & Pembelajaran (PdP) atas talian melalui Teori Penerimaan Teknologi (TAM) bagi kursus Pendidikan Islam di Kolej Komuniti Pasir Mas dan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang. Kaedah metodologi yang digunakan adalah melalui persampelan sejumlah 102 pelajar KKPM dan KKcRP yang mengambil kursus Pendidikan Islam dan dianalisis menggunakan SPSS AMOS bagi melihat *Confirmation Factor Analysis* (CFA) terhadap model yang dibina. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen Kemudahan Penggunaan / Perceived Easy of Used (PEOU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian dalam kursus Pendidikan Islam berbanding Kegunaan Penggunaan / Perceived Usefulness (PU). Ini menunjukkan bahawa pelajar KKPM & KKcRP menerima kemudahan penggunaan melalui penggunaan teknologi atas talian seperti Google Classroom, Google Meet dan aplikasi lain dalam membantu proses PdP mereka. Cadangan akan datang supaya kajian moderasi dibuat terhadap jantina yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus tertentu.

Katakunci: *Teori Penerimaan Teknologi, pembelajaran atas talian, Kegunaan Penggunaan, Kemudahan Penggunaan,*

1. PENGENALAN

Pada Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan situasi pandemik akibat penularan sejenis virus baharu jenis Corona yang menyebabkan wabak COVID19. Selaras dengan pengisytiharan wabak ini, semua negara telah menutup beberapa sektor termasuklah sektor pendidikan. Langkah penutupan sektor pendidikan ini menyebabkan semua sekolah dan pusat pengajian tinggi ditutup bagi memutuskan rantaian penularan wabak yang berbahaya ini. Manakala proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang telah diamalkan sejak zaman dahulu lagi terpaksa dihentikan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

1.1 Pernyataan Masalah

1. Logistik dan Komunikasi

Masalah logistik dan organisasi, terutama disebabkan kekurangan akses internet dan kemahiran serta sikap pensyarah yang tidak mahu berubah selain memilih untuk kekal dengan interaksi bersemuka (Wan Abdul Rahman et al, 2020).

2. Persepsi pensyarah dan pelajar

Terdapat juga salah tanggapan mengenai kaedah pengajaran dalam talian, yang mengakibatkan para pensyarah tidak menunjukkan komitmen untuk melakukannya, antaranya ialah persepsi pensyarah dan pelajar tentang penglibatan dari segi masa dan ruang (Wan Abdul Rahman et al, 2020)

3. Ketersediaan Pensyarah

Konflik lain dalam kalangan pensyarah mengenai pengajaran dalam talian termasuklah kekurangan literasi digital, 'takut' teknologi atau 'fobia' komputer (Wan Abdul Rahman et al, 2020)

Jurang pertama kajian ini adalah melalui penggunaan Model TAM dalam kajian ini yang menyumbang kepada pengetahuan baharu melalui kesan penggunaan teknologi kepada sikap pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas dan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.

1.2 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan PdP atas talian melalui Teori Penerimaan Teknologi (TAM) bagi kursus Pendidikan Islam di Kolej Komuniti Pasir Mas dan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang. Manakala objektif khusus kajian adalah:

- i. Untuk mengenalpasti persepsi pelajar melalui Teori Penerimaan Teknologi (TAM) yang mempengaruhi sikap pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam di Kolej Komuniti Pasir Mas dan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang.

1.3 Persoalan Kajian

RQ1 : Adakah persepsi kegunaan penggunaan / Perceived Usefulness (PU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam ?

RQ2 : Adakah persepsi kemudahan penggunaan / Perceived Easy of Used (PEOU) mempengaruhi sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam?

2. TINJAUAN LITERATUR

2.1 PdP Atas Talian

Fenomena baharu kalangan pendidikan supaya menambah kemahiran & penguasaan ilmu ICT (Hashim et al, 2020). PdP online lebih interaktif, realiti, inovatif dan eksplorasi (Abd Hakim et al, 2018). Penerimaan ilmu lebih berkesan dan menjimatkan masa (Nor Aziah & Mohd Taufik, 2016; Noraini & Shuki, 2009, Hashim et al, 2020). Manakala menurut Makris *et al.*, (2016), konsep pembelajaran menggunakan teknologi melalui atas talian membawa kepada jenis pengajian yang baru kepada pelajar dalam sesuatu program dan kursus.

2.2 Teori Penerimaan Teknologi

Teori ini merupakan salah satu teori berkenaan penggunaan sistem teknologi informasi yang dianggap sangat berpengaruh dan umumnya digunakan untuk menjelaskan suatu penerimaan individu terhadap penggunaan sistem teknologi maklumat. Teori ini pertama kali diperkenalkan oleh Davis dan telah diperkembangkan melalui Theory of Reasoned Action (TRA) yang dicetuskan oleh Ajzen & Fishbein (Jogiyanto, 2007). Teori ini juga terhasil melalui penelitian sebelumnya yang dipelopori melalui teori sikap dan perilaku. TAM menjelaskan hubungan sebab dan akibat antara keyakinan (akan manfaat suatu sistem informasi dan kemudahan penggunaannya) dan perilaku, tujuan/keperluan, dan penggunaan sebenar dari perspektif pengguna/*user* terhadap sistem informasi. Terdapat tiga faktor dalam TAM iaitu:

- i. Faktor pertama berfokus pada teknologi itu sendiri misalnya pengalaman pengguna terhadap penggunaan sesuatu teknologi. Pengalaman baik pengguna terhadap penggunaan teknologi akan mempengaruhi persepsi pengguna tersebut.
- ii. Faktor kedua adalah reputasi terhadap teknologi tersebut yang diperoleh oleh pengguna. Reputasi yang baik yang didengar oleh pengguna akan mendorong keyakinan pengguna akan kemudahan penggunaan teknologi tersebut, demikian pula sebaliknya.
- iii. Faktor ketiga yang mempengaruhi persepsi pengguna terhadap kemudahan menggunakan teknologi adalah tersedianya mekanisme sokongan yang terbaik.

Persepsi Kegunaan Penggunaan (*Perceived Usefulness*)

Perspektif kegunaan penggunaan (*perceived usefulness*) merupakan suatu fasa dimana seseorang percaya bahawa penggunaan sesuatu sistem tertentu akan dapat menambah prestasi kerja orang tersebut. Menurut Thompson et. al (1991) membuat kesimpulan bahawa kemanfaatan teknologi informasi merupakan impak yang diharapkan oleh pengguna teknologi informasi dalam menjalankan tugas mereka. Ia juga menyatakan bahawa individu akan menggunakan teknologi informasi jika orang tersebut memiliki pemahaman mengenai manfaat atau kegunaan (*usefulness*) yang baik atas kegunaannya.

Perspektif Kemudahan Penggunaan (*Perceived Ease of Use*)

Kemudahan penggunaan juga merupakan salah satu intipati dalam model TAM, yang telah diuji dalam penelitian Davis (1989). Hasil penelitian tersebut memperlihatkan bahawa faktor ini terbukti secara empirikal dapat menjelaskan alasan pengguna akhir dalam menggunakan sistem informasi serta menjelaskan bahawa sistem baru yang ketika itu sedang dikembangkan, diterima oleh para pengguna akhir.

Perspektif kemudahan penggunaan dapat meyakinkan pengguna bahawa teknologi informasi yang akan diaplikasikan adalah suatu hal yang mudah dan bukan merupakan beban bagi mereka. Menurut Davis (1989) menyatakan bahawa perspektif kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) merupakan tahap dimana seseorang percaya bahawa penggunaan sistem tertentu, mampu mengurangkan usaha seseorang dalam mengerjakan sesuatu. Frekuensi penggunaan dan interaksi antara pengguna (*user*) dengan sistem juga mampu menunjukkan kemudahan penggunaan. Sistem yang sering digunakan menunjukkan bahawa sistem tersebut lebih dikenal, lebih mudah dioperasikan dan lebih mudah digunakan oleh penggunanya.

2.3 Pembelajaran Pendidikan Islam

Kursus yang wajib diambil oleh pelajar KK dalam semester 1 dan 2 untuk semua program pengajian. Kursus ini bertujuan untuk menanam nilai keagamaan kepada pelajar. Menurut Lubis et al, 2020, konsep pembelajaran Pendidikan Islam mendepani cabaran pandemik agar pendidik lebih kreatif dan berinovasi.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan bentuk kajian deskriptif. Merujuk kepada Hair et al (2010) dan Zainuddin (2012) mencadangkan saiz sampel yang paling minimum adalah berdasarkan kepada jumlah konstruk dan item.


Jadual 1: Saiz sampel menurut Hair et (2010)

Model Characteristics (Number of model constructs & items)	Item Commonality	Minimum Sample Required
5 or < latent constructs. Each latent constructs has more than 3 items	0.6 or Higher	100 samples
7 or < latent constructs. Each latent constructs has more than 3 items	0.5 or higher	150 samples
7 or < latent constructs. Some constructs have less than 3 items	0.45 or higher	300 samples


Populasi pelajar KK Pasir Mas dan KK Cawangan Rantau Panjang Kelantan adalah 150 pelajar. Kajian ini mengambil +/-100 sampel di kalangan pelajar KK Pasir Mas dan KK Cawangan Rantau Panjang. Analisis unit bagi kajian ini adalah pelajar yang mengambil kursus Pendidikan Islam (Semester 1 dan 2) di KK Pasir Mas dan KK Cawangan Rantau Panjang.

Jadual 2: Ringkasan Kaedah Metodologi Kajian


Perkara	Huraian
Instrumen Kajian	Borang Soal Selidik (5 skala likert) menggunakan google form - Demografi Pelajar (2 item) IV 1) Kegunaan Penggunaan / Perceived Usefulness (PU) = 6 item 2) Kemudahan Penggunaan / Perceived Easy of Used (PEOU) = 6 item DV 3) Sikap = 4 item
Kaedah Kutipan Data	Soal Selidik Berstruktur
Jenis Data	Primary Data
Analisis Data	SEM AMOS
Reliability Test	Cronbach Alpha fixed at 0.70
Validity Test	Measurement Model and Structural Model for SEM AMOS
Pilot Test	Conducted 102 sample to pre-test questionnaire and EFA
Hypotheses Tested	2 Main Hypotheses



Rajah 1: Proses Perancangan Kajian Kerangka Kajian



Rajah 2: Model Asal TAM yang dicadangkan oleh Fred Davis (1986). Kerangka Konseptual



Rajah 3: Kerangka konseptual kajian

Hipotesis Kajian

H1 : Elemen Kegunaan Penggunaan / *Perceived Usefulness* (PU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian dalam kursus Pendidikan Islam.

H2 : Elemen Kemudahan Penggunaan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (Attitude toward using) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian dalam kursus Pendidikan Islam.

Carta Perbatuan Penyelidikan

Aktiviti	2022						
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai
1. Mengenalpasti topik kajian / masalah kajian	16-31						
2. Membuat kajian literatur / cari bahan rujukan		1 - 28					
3. Merancang metodologi			1-17				
4. Melaksanakan sesi semakan soal selidik			24				
5. Menjalankan sesi pilot test (30 orang pelajar)				3-14			
6. Menjalankan sesi edaran borang soal selidik (google form) kepada					1-14		
7. Membuat analisis dapatan kajian					15-20		
8. Menyiapkan penulisan penuh kajian					21-25		
9. Memohon kelulusan kebenaran pembentangan luar negara dan membuat pemurnian penulisan						10-18	
10. Membentangkan kertas penyelidikan						18-19	
11. Penambahbaikan berterusan							1-14
12. Penerbitan dalam Proceeding / Lentera edisi 2022							15

4. DAPATAN KAJIAN


4.1 Analisis data demografi pelajar

Jadual 3: Bilangan pelajar mengikut program

Bil	Program	Bilangan	Peratus
1	Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP)	60 orang	58.8%
2	Sijil Perkhidmatan Logistik	42 orang	41.2%
	Jumlah	102 orang	100%

Jadual 4: Bilangan pelajar mengikut jantina

Bil	Program	Bilangan	Peratus
1	Lelaki	52 orang	50.9%
2	Perempuan	50 orang	49.1%
	Jumlah	102 orang	100%



Rajah 3: Model Kajian

4.2 Keputusan CFA bagi pengukuran model

Jadual 3 : Hasil keputusan Comfirmation Factor Analysis (CFA) bagi kajian

Konstruk	Item	Factor Loading	Cronbach Alpha (Above 0.7)	CR (Above 0.6)	AVE (Above 0.5)
PU	PU1	0.78	0.926	0.910	0.627
	PU2	0.81			
	PU3	0.84			
	PU4	0.77			
	PU5	0.76			
	PU6	0.79			
PEOU	PEOU1	0.67	0.910	0.916	0.647
	PEOU2	0.80			
	PEOU3	0.80			
	PEOU4	0.86			
	PEOU5	0.86			
	PEOU6	0.82			
S	S1	0.90	0.891	0.909	0.769
	S2	0.89			
	S3	0.84			

4.3 Hasil Analisis

Jadual 4: Hasil analisis ujian hipotesis

D	V	IV	Estimate	S.E.	C.R.	P	Signifikan
S	←	PU	1.000	1.000	1.000	1.000	Tidak signifikan
S	←	PEOU	0.376	0.055	6.855	0.001*	Signifikan

* tahap signifikan yang tinggi pada nilai <0.001

H1 : Elemen Kegunaan Penggunaan / *Perceived Usefulness* (PU) tidak mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (*Attitude toward using*) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian dalam kursus Pendidikan Islam.

H2 : Elemen Kemudahan Penggunaan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempunyai kesan signifikan ke atas sikap (*Attitude toward using*) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian dalam kursus Pendidikan Islam.

5. RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil analisis yang telah dibuat dapat dirumuskan melalui persoalan kajian berikut:

RQ1 : Adakah elemen Kegunaan Penggunaan / *Perceived Usefulness* (PU) mempengaruhi sikap (*Attitude toward using*) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam ?

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen kegunaan penggunaan tidak mempengaruhi sikap pelajar apabila menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam.

RQ2 : Adakah elemen Kemudahan Penggunaan / *Perceived Easy of Used* (PEOU) mempengaruhi sikap (*Attitude toward using*) pelajar yang menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam?

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen kemudahan penggunaan mempengaruhi sikap pelajar apabila menggunakan medium pembelajaran atas talian bagi kursus Pendidikan Islam. Dapatan ini disokong oleh kajian Davis (1989) yang menyatakan bahawa perspektif kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) merupakan tahap dimana seseorang percaya bahawa penggunaan sistem tertentu, mampu mengurangkan usaha seseorang dalam mengerjakan sesuatu.

Secara kesimpulannya kajian ini mendapati bahawa penggunaan medium pembelajaran atas talian seperti Google Classroom, Google Meet dan aplikasi lain mampu memberi kesan positif ke atas sikap pelajar khususnya melalui elemen kemudahan penggunaan dalam TAM bagi subjek Pendidikan Islam di KKPM dan KKCRP.

Kajian ini boleh ditingkatkan lagi pada masa akan datang dengan melihat kesan moderasi jantina pelajar dengan menggunakan TAM dan memilih salah satu aplikasi khusus yang digunakan oleh pelajar KKPM dan KKCRP.

RUJUKAN

Davis, M. (1986). *A Technology of Acceptance Model for Empirically testing new-end user information system: Theory and Result*. Massachusetts, USA: Sloan School of Management, Massachusetts Institute of Technology.

Goksu, I & Atici, B (2013), *Need for mobile learning: technologies and opportunities*. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. Vol. 103, pp 685-694.

Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis* (7th Ed.) Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Hassan, I.S., Ismail, M.A & Mustapha, R. (2010). *The effects of integrating*

mobile and CAD technology in teaching design process for Malaysian Polytechnic Architecture students in producing creative product. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. Vol. 9 Issue 4, pp 162-172.

Jogiyanto (2007), *Sistem Informasi Keperilakuan*. Yogyakarta: Andi.

Keller, J.M. (2016), Motivation, learning and technology: applying the ARCS-V motivation model. *Participatory Educational Research (PER)*. Vol. 3(2), pp. 1-13.

Kolb, D.A. (2014). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Pearson Education. United States of America.

Kolb, D.A. (2007). *Experiential learning*:
<https://www.learning-theories.com/experiential-learning-kolb.html>. Dicapai pada 12 Mei 2019.

Makris, D., Makris, K., Arapi, P & Christodoulakis, S. (2016). PlayLearn: A platform for the development and management of learning experiences in location-based mobile games. *eLmL 2016: The Eight International Conference on Mobile, Hybrid and On-line Learning*. ISBN:978-1-61208-471-8.

Nawi, A., Hamzah, M.I & Abd Sattai, S.A. (2014) Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) dalam bidang pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 2, Issue 2, pp. 26-35.

Thompson, R.L., Higgins, C.A. and Howell, J.M. (1991) Personal Computing Toward a Conceptual Model of Utilization. *MIS Quarterly*, 15, 124-143.

Varshney.H., Allahloh, A. S. & Sarfraz, M (2019). IoT Based eHealth Management System Using Arduino and Google Cloud Firestore. *2019 International Conference on Electrical, Electronics and Computer Engineering (UPCON)*, ALIGARH, India, 2019, pp. 1-6, doi: 10.1109/UPCON47278.2019.8980238.

Zainudin, A. (2012). *Research Methodology and Data Analysis 2nd Edition*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Publication Centre (UiTM Press).

Zolzulya, S. (2016). 5 hot ideas for location-based apps.
<https://stfalcon.com/en/blog/post/5-hot-ideas-for-location-based-apps>. Dicapai pada 12 Mei 2019.